



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

9 MEI 2024 (KHAMIS)

## Alpaca Jinak Tarikan Baharu di Gopeng

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	32	9 Mei

# Alpaca jinak tarikan baharu di Gopeng

Oleh MEGAT LUTFI  
**MEGAT RAHIM**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KAMPAR:** Sememangnya semua sedia maklum daerah ini terletak di jajaran Geopark Lembah Kinta yang terkenal dengan gua, batuan kapur dan aliran sungai deras sesuai untuk aktiviti berakit meredah jeram.

Namun, bermula pada 1 Mei lalu, terdapat tarikan terbaharu khususnya kepada penggemar haiwan iaitu Taman Zahara di Jalan Besar, Kampung Tersusun Jelintoh, Gopeng di sini yang merupakan lokasi untuk pengunjung bermain dengan haiwan-haiwan jinak.

Pastinya alpaca iaitu haiwan

menyerupai biri-biri tetapi memiliki leher yang jinjang menjadikan taman ini berbeza berbanding yang lain khususnya di negeri ini.

Menurut pemiliknya, Thanabalan Sengodan, 40, keunikan haiwan jinak itu ialah harga RM18,000 seekor yang diimport dari Sydney, Australia.

"Harganya ialah RM18,000 bagi seekor dan sekiranya dibeli secara pasangan ialah RM30,000 termasuk kos pengangkutan.

"Biasanya, haiwan ini dibeli untuk haiwan peliharaan eksotik dan kebanyakannya tidak dibela untuk dimakan dagingnya kerana harganya yang mahal," katanya di sini semalam.

Jika harga lembu dewasa boleh

mencecah RM7,000 seekor, harga alpaca lebih mahal lagi dan sa yang untuk dimakan dagingnya.

Taman Zahara menempatkan 12 ekor alpaca iaitu tujuh betina dan lima jantan di kawasan seluas 1.7 hektar itu.

Haiwan ini habitat asalnya ialah Peru atau Bolivia namun kini ramai penternak yang membelanya di Australia.

Katanya lagi, alpaca tergolong dalam keluarga unta seperti llama begitu jinak dan mudah 'mesra' dan tidak takut mendekati pengunjung.

Thanabalan memberitahu, alpaca memerlukan kandang terlindung dan mempunyai sistem pendinginan yang baik untuk berasa selesa dan tenteram.



**PENGUNJUNG,** Nurul Alia Abdul Karim, 20, memberi makanan kepada alpaca di Taman Zahara, Gopeng, Kampar. - UTUSAN/MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

## Penolong Pegawai Veterinar Didakwa Terima Suapan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	8 Mei



Tertuduh (kiri) ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Kuala Terengganu pada Rabu.

KUALA TERENGGANU - Seorang Penolong Pegawai Veterinar dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, atas empat pertuduhan menyalahgunakan jawatan bagi mendapatkan suapan untuk dirinya sendiri melalui perolehan kerja pemberian kenderaan jabatan.

Bagaimanapun tertuduh, Mohd Hisham Daud, 46, yang bertugas di Besut mengaku tidak bersalah setelah pertuduhan ke atasnya dibacakan di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Berdasarkan pertuduhan,

tertuduh didakwa meluluskan dokumen indent kerja/pesanan tempatan bagi kerja membekal alat ganti dan menyelenggara kenderaan jabatan kepada Syarikat Serangkai Automobiles Sdn Bhd dengan jumlah keseluruhan bernilai RM8,578.69 di mana perkhidmatan tersebut tidak dilaksanakan oleh syarikat terbabit.

Perbuatan itu didakwa dilakukan antara Mac 2019 hingga Jun 2020.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 18

Akta Suruhanjaya  
Pencegahan Rasuah Malaysia  
(ASPRM) 2009 dan boleh  
dihukum di bawah Seksyen  
24 (2) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan tertuduh  
boleh dihukum penjara  
maksimum 20 tahun dan  
denda tidak kurang lima kali  
nilai butiran palsu atau  
RM10,000 mengikut mana-  
mana nilai lebih tinggi.

Mahkamah kemudian  
menetapkan tertuduh diikat  
jamin sebanyak RM6,000  
oleh seorang penjamin serta  
mengarahkan tertuduh  
untuk tidak mengganggu  
saksi-saksi pendakwaan.

Tertuduh juga perlu  
menyerahkan pasport  
kepada mahkamah dan  
melapor diri ke pejabat SPRM  
terdekat pada setiap bulan  
sehingga kes selesai.

Pendakwaan kes itu  
dijalankan oleh Timbalan  
Pendakwa Raya Suruhanjaya  
SPRM, Mariah Omar  
manakala tertuduh tidak  
diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 10  
Jun depan bagi sebutan  
semula kes tersebut.-

**SINARHARIAN**

## Kakitangan Veterinar Terengganu Didakwa Kemuka Tuntutan Palsu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	Online	8 Mei



Mohd. Hisham (kanan) didakwa mengemukakan tuntutan palsu selenggara kenderaan JPV Terengganu di Mahkamah Sesyen Terengganu hari ini.

KUALA TERENGGANU - Seorang kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas empat pertuduhan membuat tuduhan palsu melibatkan kerja-kerja selenggara dan alat ganti kenderaan jabatan bernilai keseluruhan RM8,578.69 pada tahun 2019 dan 2020.

Tertuduh, Mohd. Hisham Daud, 46, yang bertugas sebagai Penolong Pegawai Veterinar Terengganu membuat pengakuan tidak bersalah sebaik semua pertuduhan

dibacakan di hadapan Hakim Mohd. Azhar Othman.

Berdasarkan keempat-empat pertuduhan, tertuduh didakwa meluluskan dokumen mengandungi butiran kerja-kerja membekal alat ganti dan menyelenggara kenderaan jabatan kepada sebuah syarikat bengkel membaiki dan selenggara kenderaan yang sebenarnya tidak pernah dilakukan.

Kesemua dokumen yang diluluskan Mohd. Hisham itu

masing-masing berjumlah RM1,615.20, RM1,574.09, RM3,808.10 dan RM1,581.30.

Perbuatan berkenaan didakwa, dilakukan tertuduh di pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu di sini antara Mac 2019 sehingga Jun 2020.

Dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda daripada nilai tuntutan palsu atau RM10,000, mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mariah Omar dan Pegawai Pendakwa SPRM, Nur Raihan Mohd. Yusof manakala tertuduh pula tidak diwakili peguam. – [KOSMO! ONLINE](#)

## Pegawai Veterinar Didakwa Empat Pertuduhan Rasuah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Online	8 Mei



*Mahkamah Kuala Terengganu*

KUALA TERENGGANU - Seorang Penolong Pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas empat pertuduhan menyalahgunakan jawatan bagi mendapatkan suapan melalui perolehan kerja pemberian kenderaan jabatan.

Mohd Hisham Daud, 46, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan memohon untuk dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Mengikut pertuduhan, Mohd Hisham didakwa meluluskan dokumen indent atau kerja pesanan tempatan bagi kerja membekal alat ganti dan menyelenggara kenderaan jabatan kepada Syarikat Serangkai Automobiles Sdn Bhd yang keseluruhannya bernilai RM8,578.69 antara Mac 2019 hingga Jun 2020.

Bagaimanapun, perkhidmatan itu tidak dilaksanakan oleh syarikat berkenaan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut

Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan palsu atau RM10,000, mengikut mana-mana yang tinggi.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mariah Omar dan Pegawai Pendakwa SPM Nur Raihan Mohd Yusof, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mariah mencadangkan jaminan sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin selain mengemukakan syarat tambahan untuk tertuduh tidak mendekati saksi, menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melapor diri ke pejabat SPM pada setiap bulan sehingga kes selesai.

Hisham kemudian merayu untuk dikenakan jaminan rendah atas faktor kewangan dan perlu menanggung keluarga serta ibunya yang sudah berusia.

Selepas mendengar hujahan dan rayuan daripada kedua-dua pihak, Mohd Azhar menetapkan jaminan RM6,000 terhadap tertuduh dengan seorang penjamin dan membenarkan syarat

tambahan dipohon pasukan pendakwaan.

Beliau turut mengarahkan tertuduh mendapatkan peguam sebelum hadir untuk sebutan kes seterusnya pada 10 Jun ini. -

**MALAYSIAGAZETTE**

## Penolong Pegawai Veterinar Berdepan Empat Pertuduhan Terima Rasuah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Jenayah	Online	8 Mei



Tertuduh, Mohd Hisham Daud, 46, di pekarangan Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu hari ini

KUALA TERENGGANU, 8 Mei - Seorang Penolong Pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas empat pertuduhan menyalahgunakan jawatan bagi mendapatkan suapan melalui perolehan kerja pemberian kenderaan jabatan.

Mohd Hisham Daud, 46, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan memohon untuk dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Mengikut kertas pertuduhan pertama, tertuduh didakwa meluluskan satu dokumen indent kerja atau pesanan tempatan bagi kerja membekal alat ganti dan menyelenggara kenderaan jabatan kepada sebuah syarikat yang bernilai RM8,578.60.

Bagaimanapun perkhidmatan itu tidak dilaksanakan oleh syarikat tersebut.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di antara Mac 2019 sehingga Jun 2020.

Bagi setiap kesalahan yang didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) akta yang sama.

Sekiranya sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau RM 10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin RM 6,000.00 dengan seorang penjamin dan menetapkan 10 Jun depan bagi pengurusan kes.

Tertuduh turut dikenakan syarat tambahan untuk dilarang mengganggu saksi-saksi pendakwaan termasuk menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan perlu melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan sehingga kes selesai dibicarakan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya SPRM Mariah Omar dan Pegawai Pendakwa SPRM Nur Raihan Mohd Yusof, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.-**BERITARTM**

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR